

# Sistem meritokrasi terbukti berjaya

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Sistem meritokrasi yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam dasar pendidikan negara sejak tahun lepas terbukti mampu mempertingkatkan kualiti pembelajaran pelajar-pelajar Melayu.

Wakil UMNO Kelantan, Fatimah Abdullah berkata, sistem itu terbukti berjaya apabila jumlah pelajar Melayu yang memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara meningkat pada sesi kemasukan baru-baru ini.

“Pelajar Melayu sebenarnya mampu bersaing (dengan kaum lain) jika tidak dimajukan apabila jumlah mereka memasuki IPT lebih daripada kuota sebelum ini.

“Ini adalah bukti bahawa mereka mampu melepasi halangan meritokrasi yang seolah-olah menjadi rintangan sukar sebelum ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul pendidikan dan agama pada

hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Fatimah berkata, apabila sistem meritokrasi diperkenalkan ramai di kalangan ibu

bapa merasakan bahawa ia menyebabkan lebih ramai pelajar Melayu akan gagal melanjutkan pelajaran ke IPT.

Namun begitu, ujarnya, andaian itu meleset apabila jumlah mereka meningkat dan keadaan itu membuktikan anak-anak Melayu mampu pergi lebih jauh dalam pendidikan.

“Awalnya semua takut tapi apabila sistem itu diperkenalkan, anak-anak Melayu yang sebelum ini malas menjadi lebih rajin dan memasuki IPT dengan 100 peratus kemampuan sebenar,” ujarnya lagi.

Katanya, daya saing dalam diri pelajar sangat penting untuk menjaga maruah bangsa dan kemajuan negara.

“Perjuangan UMNO adalah untuk tujuan itu bukan untuk menjadikan anak bangsa lemah (tetapi) perjuangan UMNO adalah untuk menjadikan anak bangsa kuat dan bersemangat waja,” tambahnya.

Sehubungan itu, beliau me-

nambah, semua ahli UMNO perlu sedar betapa pentingnya kerugian pada masa depan kaum Melayu jika tidak dipersiapkan terlebih awal bagi menghadapi era globalisasi.

Sebaliknya, jika kaum Melayu tidak memiliki pemikiran dan sikap seperti itu maka kaum majoriti di negara itu kini akan lemah dan mundur pada masa depan, katanya.

“Kita perlu berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Barisan Nasional (BN) yang mengambil langkah drastik itu walaupun menghadapi kecaman demi kecaman sebelumnya,” katanya.

Namun begitu beliau menasihatkan agar kaum Melayu berhati-hati mengharungi era ‘langit terbuka’ kerana pelbagai cabaran bakal dihadapi oleh mereka.